

11/07/1999

Laporan gaji pekerja akhir bulan

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Laporan lengkap mengenai cadangan mewujudkan gaji bulanan untuk pekerja ladang serta cara memodenkan sistem kerja estet kini di peringkat terakhir sebelum dibentangkan kepada Kabinet, akhir bulan ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata laporan yang disediakan jawatankuasa khas dianggotai beberapa pakar, termasuk dari sektor perladangan, kesatuan pekerja, peguam dan Institut Penyelidikan Getah (RRI) itu turut mengemukakan cadangan untuk meningkatkan status pekerja ladang bagi menghadapi alaf baru.

Beliau berkata, laporan yang akan diserahkan kepada Kabinet itu juga mencadangkan sistem baru yang mana pekerja ladang tidak perlu bekerja setiap hari tetapi produktiviti dihasilkan sama dengan hasil bulanan yang diperolehi.

"Saya percaya laporan berkenaan akan disiapkan akhir bulan ini. Selain aspek gaji bulanan laporan berkenaan turut mengemukakan usul meningkatkan taraf hidup pekerja ladang seperti menyediakan rumah yang sesuai dan kemudahan infrastruktur sebuah pekan kecil," katanya kepada pemberita selepas menutup Seminar Kepenggunaan dan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia di Dewan Jubli Perak di sini, semalam.

Beliau berkata, laporan itu juga dijangka dapat mengatasi masalah kemasukan pekerja asing berikutan pekerja tempatan kurang berminat untuk bekerja di sektor perladangan.

"Saya percaya jika sistem ini digunakan akan menarik penyertaan rakyat tempatan di sektor ini melalui skim gaji yang menarik serta waktu kerja yang tidak membebankan," katanya.

Menurutnya, berdasarkan perbincangannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau yakin cadangan itu akan mendapat reaksi positif kerana Perdana Menteri sendiri yang mengarahkan perkara itu disiasat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

"Perdana Menteri ada membangkitkan perkara ini dalam Exco Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan saya yakin Perdana Menteri akan memberi perhatian sewajarnya kerana beliau kelihatan amat berminat untuk meneliti perkara ini," katanya.

(END)